

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan untuk mengembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan dan berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai keyakinan diri serta dapat menyumbang terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”

FALSAFAH PENDIDIKAN GURU

“Guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin.”

VISI IPG

IPG Peneraju Kecemerlangan Pendidikan Guru

MISI IPG

Melahirkan guru yang kompeten dan berjiwa pendidik melalui program pembangunan guru yang dinamik ke arah pendidikan sekolah bertaraf dunia.

PIAGAM PELANGGAN

Kami warga Institut Pendidikan Guru dengan tekad dan iltizam berikrar dan berjanji menumpukan tenaga dan usaha kami untuk:

- memaklumkan penempatan pemohon yang berjaya mengikuti pengajian di IPG dalam tempoh 10 hari bekerja selepas senarai pemohon tersebut diterima dari organisasi berkaitan.
- memastikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mematuhi kurikulum pendidikan guru.
- memaklumkan keputusan peperiksaan akhir program/kursus dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas mesyuarat Senat.
- menganugerahkan Ijazah atau Diploma kepada lulusan dalam tempoh enam (6) bulan selepas keputusan peperiksaan akhir diumumkan.
- memastikan guru baharu lulusan IPGM memenuhi 92% kehendak sekolah dari aspek kualiti diri, kemahiran dalam pengajaran-pembelajaran, kebolehan mengurus kokurikulum, dan kemampuan mengurus tugas-tugas di sekolah.
- mengambil tindakan setiap aduan pelanggan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.

DASAR KUALITI

"Menyediakan perkhidmatan Pengurusan Pendidikan Keguruan (PPK) secara profesional, cekap dan berkesan untuk melahirkan guru yang kompeten dan berjiwa pendidik selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Guru dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan."

OBJEKTIF OPERASI INSTITUT PENDIDIKAN GURU

Objektif Operasi Institut Pendidikan Guru ialah memastikan

1. Pelajar berpuas hati sekurang-kurangnya pada skor min 4.3 terhadap penilaian proses pendaftaran dan minggu pengurusan pelajar baharu yang dilaksanakan.
2. Pelajar berpuas hati sekurang-kurangnya pada skor min 4.3 terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran, kokurikulum dan bimbingan dalam amalan profesional.
3. Memastikan proses pemantauan pelaksanaan kurikulum dilaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) tahun sekali.
4. Sekurang-kurangnya 99% pelajar yang menduduki peperiksaan lulus.
5. Keputusan peperiksaan akhir program/kursus dimaklumkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas mesyuarat Senat.
6. Pelajar berpuas hati sekurang-kurangnya pada skor min 4.3 terhadap penilaian pelaksanaan program mentor mentee.
7. Aduan pelanggan akan diambil tindakan dalam masa tiga (3) hari bekerja.
8. Semua aduan pelajar diberi maklumbalas dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.
9. Memastikan program latihan dalam perkhidmatan memenuhi Standard Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PBB).
10. Memastikan semua pensyarah, pegawai dan staf pelaksana dapat memenuhi keperluan latihan sebanyak 7 hari setahun.
11. Mesyuarat pengurusan kewangan, pembangunan dan aset serta pengurusan sumber manusia diadakan empat (4) kali setahun.
12. Pemantauan ke atas keselamatan bangunan dan fizikal pejabat dilaksanakan dua(2) kali setahun.
13. Aktiviti penyelenggaraan semua peralatan teknologi maklumat dan komunikasi dilaksanakan dua (2) kali setahun.
14. Audit dalaman dilaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun.
15. Mesyuarat Kualiti Institut (MKI) dilaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun.
16. Penandaarasan jaminan kualiti dengan pihak luar dilaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun.

ETIKA KERJA STAF IKHTISAS / PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU

Etika kerja staf ikhtisas/Pegawai Pekhidmatan Pendidikan (PPP) ialah panduan tingkah laku yang menjadi pegangan setiap warga ikhtisas/Pegawai Pendidikan di Institut Pendidikan Guru Malaysia berlandaskan nilai-nilai akhlak mulia.

OBJEKTIF:

- i. Menanamkan sikap positif dan menghapuskan sikap negatif dalam melaksanakan tugas-tugas yang diamalkan bagi mempertingkatkan kualiti kerja.
- ii. Meningkatkan disiplin diri bagi menghasilkan perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan dan organisasi dan
- iii. Memberikan sumbangan positif yang berterusan kepada negara.

1. PERSONALITI

- Seorang yang dilantik sebagai staf ikhtisas/PPP di Institut Pendidikan Guru Malaysia hendaklah pada setiap masa memberikan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Yang Dipertuan Agong, negara dan kerajaan dengan:
 1. mengutamakan tugas sebagai pendidik guru.
 2. mematuhi semua arahan rasmi berkaitan dengan tugasnya.
 3. bertindak dalam keadaan tertentu bagi menjamin kesejahteraan dan keselamatan negara.
- Sebagai pegawai pendidikan hendaklah sentiasa menampilkan diri dengan cara yang sesuai mengikut tuntutan semasa bertugas/bekerja atau semasa menghadiri mana-mana acara rasmi beliau dikehendaki hadir.
- Mempunyai daya tahan, bersikap positif dan teliti dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.
- Sebagai pegawai pendidikan hendaklah sentiasa berkelakuan dan bertingkah laku dengan sopan mencerminkan ketinggian kesusilaan dan budi pekerti, adil, amanah, bertanggungjawab dan mengamalkan budaya kerja cemerlang.
- Bersedia untuk mempelajari atau menerima nasihat dan teguran secara kritikan dengan hati dan fikiran yang terbuka.
- Sentiasa berusaha dan mengamalkan nilai-nilai semasa berinteraksi dengan sesiapa sahaja sama ada di dalam atau di luar waktu bertugas.
- Seorang pegawai hendaklah tenang menghadapi masalah dan reda menerima ketetapan, kegagalan dan ujian serta tidak berputus asa.
- Seorang pegawai hendaklah bersikap pemaaf dan penyayang dan bersifat simpati dan empati menjalankan tugas harian.

2. PROFESIONALISME

- Seorang pegawai ikhtisas/PPP hendaklah sentiasa mengutamakan tugas rasmi daripada kepentingan peribadi.
- Sebagai pegawai pendidikan hendaklah pada setiap masa berkelakuan dengan cara tidak mencemarkan nama baik profesion keguruan.

- Sentiasa berusaha mempertingkatkan ilmu, kepakaran, kecekapan, kemahiran dan profesionalismenya.
- Tidak boleh melibatkan diri dalam aktiviti yang menyalahi undang-undang negara.
- Bersikap jujur dan setia kepada organisasi tanpa menyalahgunakan kuasa dan kedudukan.
- Tidak boleh sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain membuat kenyataan kepada pihak media melainkan mendapatkan persetujuan daripada pihak Kementerian Pendidikan.
- Sentiasa bersedia membantu dan membimbing rakan sejawat yang menghadapi masalah.
- Menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh dedikasi.
- Sentiasa mendukung dan mengamalkan budaya ilmu.
- Membina budaya kerja berpasukan dengan menekankan aspek-aspek kolaboratif, partisipatif dan 'ownership'
- Seorang pegawai pendidikan hendaklah tidak akan menyebabkan dirinya berada dalam keterhutangan kewangan yang serius.

ETIKA TERHADAP SISWA PENDIDIK DAN PESERTA KURSUS

- Memberikan latihan keguruan secara cekap dan berkesan dengan tujuan melahirkan guru yang berkemahiran dan berketrampilan.
- Memainkan peranan sebagai pembimbing dan fasilitator untuk meningkatkan prestasi siswa pendidik dan peserta kursus.
- Membina dan memperkembangkan daya kepimpinan siswa pendidik dan peserta kursus ke tahap yang optimum.
- Meningkatkan dan memantapkan kecekapan iktisas melalui pengkajian, penyelidikan, lawatan dan program sandaran juga menghadiri kursus-kursus, persidangan, mesyuarat dan seminar supaya dapat mencapai mutu pengajaran yang lebih baik.
- Memberikan perhatian terhadap kebajikan dan keselamatan siswa pendidik dan peserta kursus.
- Menjadi teladan kepada siswa pendidik dan peserta kursus dalam aspek sahsiah dan penampilan diri.
- Merahsiakan maklumat peribadi siswa pendidik dan peserta kursus kecuali kepada mereka yang berhak mengetahuinya.
- Mengamalkan sikap adil kepada semua siswa pendidik dan peserta kursus.

ETIKA TERHADAP GURU DAN SEKOLAH

- Berusaha mewujudkan pemuafakatan dengan guru dan sekolah dalam aspek keguruan.
- Memberikan khidmat kepakaran dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, pengurusan pendidikan dan pencerapan pengajaran serta pembinaan citra insan guru.
- Bekerjasama dengan guru dan sekolah dalam menjalankan penyelidikan dan pembangunan penyelidikan.

ETIKA TERHADAP IBU BAPA / PENJAGA DAN PENJAMIN

- Menghormati dan menghargai tanggungjawab utama ibu bapa, penjaga dan penjamin terhadap siswa pendidik dan peserta kursus.
- Memberikan maklumat penting dan terpilih kepada ibu bapa/penjaga dan penjamin demi kebajikan dan keselamatan siswa pendidik dan peserta kursus.

- Menggunakan maklumat yang diterima daripada ibu bapa/penjaga dan penjamin dengan teliti dan bijaksana.
- Mengelakkan diri daripada dipengaruhi oleh kedudukan sosial dan ekonomi ibu bapa/penjaga dan menjamin siswa pendidik dan peserta kursus.
- Mewujudkan hubungan kerjasama antara ibu bapa/penjaga dan penjamin demi kebaikan siswa pendidik dan peserta kursus.

ETIKA TERHADAP AGAMA, MASYARAKAT DAN NEGARA

- Memberikan khidmat kepakaran dalam bidang penyelidikan kepada semua agensi yang dibenarkan.
- Mengelakkan diri daripada menyebarkan ajaran yang bertentangan dengan agama dan Rukun Negara.
- Memelihara tingkah laku dan kesopanan yang diterima oleh masyarakat dan tidak bercanggah dengan kerajaan.
- Memberikan khidmat kemasyarakatan dari semasa ke semasa.
- Menyumbangkan khidmat sukarela kepada acara kebangsaan dan antarabangsa.

ETIKA TERHADAP RAKAN SEJAWAT DAN PROFESION KEGURUAN

- Mengelakkan diri daripada membuat sebarang kenyataan atau ulasan yang boleh mencemarkan nama baik dan menjatuhkan maruah rakan sejawat dan profesion perguruan.
- Tidak melibatkan diri dalam kegiatan yang boleh menjejaskan tugas-tugas di institut.
- Membina budaya kerja dalam pasukan dan mengamalkan prinsip-prinsip dan kerjasama dan kolaboratif.

HURAIAN ETIKA KERJA STAF IKHTISAS/PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

Mengutamakan kepentingan pelajar mengatasi kepentingan peribadi:

- Peka terhadap keperluan yang membantu perkembangan pembelajaran pelajar.
- Sentiasa mengawal selia dan menjaga keselamatan dan disiplin pelajar.
- Bertindak segera untuk meringankan kesakitan dan tekanan pelajar.
- Menepati masa semasa ke kuliah atau sebarang interaksi bersama pelajar.
- Membantu dari segi masa dan tenaga untuk memenuhi kebajikan pelajar setakat termampu.

Bersikap adil terhadap semua pelajar:

- Memberi layanan baik tanpa mengira faktor jasmani, mental, emosi, politik, ekonomi, sosial, keturunan dan agama.
- Membimbing dan mengajar dengan penuh dedikasi dan bertanggungjawab.
- Tidak bertindak menyakiti mana-mana anggota tubuh badan pelajar.
- Tidak memilih kasih semasa membuat penilaian prestasi pelajar.

- Memberi peluang pembelajaran yang sama rata dan demokrasi.

Berazam memberi khidmat profesional yang terbaik tanpa mengharapkan imbuhan:

Khidmat profesional:

- memberi kuliah
- bimbingan praktikum
- kaunseling
- kokurikulum
- aktiviti institut

Imbuhan:

- kewangan
- hadiah
- cenderamata

Dalam semua hubungan dengan pelajar-pelajar, seorang pegawai seharusnya:

- Mesra berteraskan kejujuran:
menunjukkan sifat mesra, manis muka serta jujur.
- Ramah berteraskan keikhlasan:
manis tutur kata, mudah dihubungi, mudah diajak berbincang.
- Baik hati tetapi tegas:
murah hati, perihatin, sedia membantu walaupun terpaksa bersifat tegas.
- Akrab tetapi tidak intim:
hubungan yang erat tetapi tidaklah sampai begitu rapat/intim
- Sedia membantu tanpa tujuan lain:
mudah/suka menolong atau memberikan bantuan tanpa tujuan tersirat
- Penyayang dengan batasan tertentu:
mengasihi/meyayangi pelatih-pelatih tetapi ada batasannya
sayang ayah kepada anak sendiri
sayang guru kepada anak muridnya.
- Memberi peluang tetapi tidak mengambil kesempatan:
pemaaf dan sentiasa memberikan peluang kepada pelatih memperbaiki kesilapan tanpa mengambil kesempatan daripada kelemahan/kekurangan pelatih.

Memberi dan melahirkan perasaan penghargaan terhadap ketua, rakan sejawat dan ahli organisasi yang lain:

- Sedia memberi pengiktirafan kepada mereka yang berjaya tanpa sebarang prasangka, berdendam atau membawa fitnah.
- Mematuhi arahan yang diberikan demi kepentingan organisasi.

- Menganggap setiap orang mempunyai harga diri yang perlu dihormati tanpa sebarang prasangka.

Menggalakkan kerjasama dan persefahaman antara staf (akademik dan bukan

- akademik):
- Menghormati dan menghargai tugas yang dijalankan oleh setiap individu dalam organisasi tanpa mengira kedudukan.
- Melaksanakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan bersama demi mewujudkan semangat kekeluargaan.

Mempunyai pendirian dan kepentingan yang sama dengan anggota organisasi:

- Akur dengan keputusan organisasi.
- Berusaha dengan bersungguh-sungguh mengelakkan dan menjaga imej organisasi.
- Saling membantu dan bekerjasama dalam apa-apa jua hal yang berkaitan dengan tugas dan kebajikan organisasi.

Sedia menerima dan mematuhi peraturan dan arahan yang diberikan oleh ketua

- atau pegawai atasan:
- Menerima dan melaksanakan arahan seperti yang telah ditetapkan.
- Arahan dipatuhi adalah atas dasar jawatan dan kewajipan bukan disebabkan kepentingan individu.

Berpekerti mulia dan dapat membina personaliti yang boleh dicontohi:

- Melaksanakan tugas yang diberi dengan penuh tanggungjawab tanpa penyelewengan
- Jujur dan setia kepada organisasi tanpa menyalahgunakan kuasa.
- Melaporkan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.
- Mempamerkan diri sebagai seorang pendidik dari segi:

*Pakaian
tutur kata
tingkah laku*

Sentiasa mempertingkatkan ilmu dan kemahiran sejajar dengan keperluan terkini:

- Memperkemas pengetahuan dan kemahiran sejajar dengan keperluan semasa.
- Sedia menerima dan menghadiri kursus / bengkel / seminar yang berkaitan dengan bidang dari semasa ke semasa.

Mengamalkan etika kepimpinan:

- Tanggungjawab
 - Menjalankan tugas dengan bersih, cekap dan amanah serta dengan penuh minat dan dedikasi.
 - Sentiasa memberikan keutamaan kepada kepentingan negara dan tidak mementingkan diri sendiri.
 - Sentiasa berusaha meninggikan imej perkhidmatan dan organisasi.
 - Sentiasa memelihara maruah negara.
 - Membuat pertimbangan yang teliti dan adil sebelum membuat keputusan dan tegas dalam melaksanakannya.
- Sikap:
 - Sensitif terhadap persekitaran kerja dan alam sekeliling serta berusaha menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling.
 - Sentiasa bersikap positif dan bertanggungjawab.
 - Mempunyai fikiran terbuka dan sentiasa rela menerima teguran daripada semua pihak untuk faedah organisasi dan negara.
 - Mengambil berat tentang masalah yang dihadapi oleh masyarakat.
 - Mengambil berat tentang masalah yang dihadapi oleh masyarakat.
 - Mengambil berat tentang masalah yang dihadapi oleh rakan sejawat, baik bagi pihak atasan mahupun rakan sejawat di bawahnya.
- Perawakan dan Peribadi:
 - Mempunyai peribadi yang mulia, berbudi pekerti dan berperawakan yang baik.
 - Sentiasa bersabar dan bertenang dalam menghadapi masalah dan cabaran.
 - Sentiasa berusaha menambah ilmu pengetahuan.
 - Menjaga hubungan baik dengan setiap golongan masyarakat.

Pakaian:

- Pakaian Lelaki:
 - Seluar panjang dan berbaju kemeja dan bertali leher atau 'bush-jaket' atau 'lounge' suit. Baju hendaklah dimasukkan ke dalam dan jika berlengan panjang, lengan baju janganlah dilipat.
 - Pakaian baju Melayu yang lengkap dengan sampings atau pakaian yang mirip dengan potongan baju Melayu dan dipakai dengan seluar panjang.
 - Kasut kulit atau kasut-kasut lain yang sejenis dengannya.
 - Rambut hendaklah pendek, terurus dan tidak mengerbang.
- Pakaian Perempuan:
 - Pakaian kebangsaan atau pakaian kaum masing-masing dan pakaian lain yang sesuai dan tidak menjolok mata.
 - 'Jean', 'slack', seluar pendek dan pakaian yang menutup muka atau yang mencolok mata tidak boleh dipakai.
- Baju Batik:
 - Baju batik hendaklah dipakai pada setiap hari Khamis.
 - Baju batik boleh dipakai pada majlis rasmi institut atau majlis yang ditetapkan oleh institut.

- Pakaian Khas dan Pakaian Sukan:
 - Pakaian khas (jika ada) perlu dipakai semasa menjalankan kerja-kerja praktik di bilik makmal / Sains Rumah Tangga / Bengkel Seni Perusahaan / Sains Pertanian.
 - Pakaian sukan (yang bersesuaian) perlu dipakai sewaktu bertugas di luar bilik kuliah ketika menjalankan gerak kerja pendidikan jasmani dan sukan.

Hadir Bekerja:

- Setiap pegawai hendaklah sampai ke institut selewat-lewatnya 5 minit sebelum waktu bekerja rasmi.
- Setibanya di institut, pegawai hendaklah menandatangani buku kehadiran/kad perakam waktu.
- Jika terlewat hendaklah segera memaklukkannya kepada Pengarah.

Meninggalkan institut dalam waktu bekerja:

- Pegawai yang hendak meninggalkan institut semasa waktu kuliah, sama ada untuk tempoh waktu tertentu atau tidak akan kembali ke institut pada hari itu, hendaklah mendapat kebenaran Pengarah terlebih dahulu iaitu atas sebab-sebab yang amat mustahak dan tidak dapat dielakkan.
- Seseorang pegawai yang diberi kebenaran keluar dari kawasan Institut hendaklah menyempurnakan butir-butir dalam buku "Buku Rekod Keluar Waktu Bekerja"

Kehadiran Kuliah:

- Semua pegawai ikhtisas dikehendaki mematuhi jadual waktu kuliah yang ditetapkan dan hadir ke kuliah tidak lebih daripada 5 minit dibenarkan untuk maksud perjalanan pertukaran kelas.
- Pegawai tidak boleh meninggalkan kuliah sebelum waktu sebenar, walaupun jika ia telah memberi kerja-kerja yang perlu dilakukan oleh pelajar, kecuali untuk melaksanakan sesuatu tugas yang dibenarkan oleh Pengarah.

Buku Rekod Kuliah:

- Semua butir dan maklumat yang diperlukan hendaklah diisi dan sentiasa dikemas kini.
- Rancangan mingguan dan rancangan hari pertama minggu berikutnya hendaklah disediakan.
- Dari segi akauntabiliti, setiap pegawai hendaklah menulis penilaian mingguan masing-masing.

Perhubungan antara pegawai dengan pelajar:

- Semua pegawai hendaklah memberi perhatian kepada semua pelajarnya secara individu yang berbeza dengan pelajar-pelajar lain. Semua masalah pelajar perlulah diberi perhatian dan membantu sedaya yang mungkin.
- Menggunakan semua kesempatan untuk menyedarkan pelajar mereka tentang tanggungjawab pelajar. Menggalakkan mereka menggunakan masa dengan betul, mendorong mereka berfikir dan mengeluarkan pendapat serta membimbing mereka dalam apa sahaja yang berguna.
- Mengelakkan sebarang bentuk diskriminasi terhadap pelajar atas sebab-sebab keturunan, jantina, status, lokaliti, hubungan kekeluargaan, ekonomi dan sebagainya.
- Mengelakkan daripada terjerumus dalam perhubungan percintaan dengan pelajar.

Amalan Positif:

- Setiap pegawai hendaklah mempunyai tabiat yang membawa manfaat kepada
- organisasi:

- Menepati masa.
- Menyegerakan tugas
- Mempunyai perancangan waktu
- Menumpukan masa pada kerja-kerja yang produktif dan kreatif.
- Menetapkan “*target date*” untuk menyiapkan kerja.
- Menyelesaikan tugas dalam masa yang ditetapkan.

Mengamalkan konsep “ketekunan membawa kejayaan”:

- Gigih menjalankan tugas yang mencabar.
- Rajin dan sentiasa berusaha.
- Sabar dalam menghadapi cabaran pekerja sebagai pendidik guru.
- Berpandangan jauh.
- Dedikasi dalam mencapai matlamat organisasi
- Tidak patah semangat.

Mempunyai keseronokan bekerja sebagai “pendidik guru”:

- Menganggap kerja sebagai ibadat.
- Mempunyai inisiatif sendiri.
- Menghasilkan sesuatu yang berfaedah.
- Mempunyai komitmen terhadap kerja
- Sentiasa bersedia memberi kerjasama.

Mempunyai ketinggian peribadi:

- Teguh beriman dan bertakwa dalam setiap tindakan.
- Menyempurnakan tugas dengan amanah.
- Mengutamakan keadilan dalam setiap perbuatan.
- Sedia berkorban.
- Berlumba-lumba membuat kebajikan.
- Kemas dalam berpakaian, pemikiran dan tindakan.
- Bersopan santun dan sederhana dalam kelakuan.
- Taat setia dan patuh pada arahan.
- Bersih daripada sifat dengki.
- Jimat cermat dalam segala aspek.
- Cergas dan cekap dalam menjalankan tugas.

KOD TATAKELAKUAN PERKHIDMATAN AWAM KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Kod Tatakelakuan Kementerian Pendidikan Malaysia menggariskan tingkah laku yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh seseorang warga Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini untuk memastikan kelakuan mereka semasa dan selepas bertugas adalah sentiasa selaras dengan kehendak undang-undang dan peraturan semasa. Dengan ini, imej dan reputasi mereka sebagai warga Kementerian Pendidikan Malaysia yang berintegriti tinggi dan berwibawa sentiasa terpelihara. Kod Tatakelakuan Perkhidmatan Awam Kementerian Pendidikan Malaysia adalah seperti berikut:

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

Seseorang warga Kementerian Pendidikan Malaysia tidak boleh pada bila-bila masa:

- mengadakan hubungan sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pembekal atau kontraktor yang berurusan dengan jabatan bagi mendapat faedah seperti komisen, diskaun, hiburan/keraian dan sebagainya untuk kepentingan peribadi atau yang boleh menimbulkan rasa curiga orang ramai.
- membiarkan diri atau anggota keluarganya berkelakuan dengan cara yang mungkin menyebabkan kepentingan persendirian bercanggah dengan kepentingan tugas rasmi jabatan.
- terlibat dalam membuat sebarang keputusan atau berurus niaga dengan syarikat yang mana ahli keluarganya memiliki kepentingan (sama ada sebagai pengarah, rakan pengkongsi, pemegang saham atau penama) di dalam syarikat-syarikat tertentu yang berurus niaga dengan jabatan.
- menjalankan apa-apa urus niaga peribadi dalam waktu pejabat kecuali mewakili persatuan yang dibenarkan oleh pihak pengurusan jabatan.
- menyalahgunakan kedudukan dan pangkatnya sebagai pegawai/staf Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mendapat layanan istimewa atau keuntungan kewangan daripada mana-mana kementerian, jabatan, firma, syarikat dan orang perseorangan.

PEKERJAAN LUAR

Seseorang warga Kementerian Pendidikan Malaysia tidak boleh pada bila-bila masa membuat pekerjaan luar yang memberi imbuhan kewangan semasa atau selepas waktu pejabat, walaupun pekerjaan itu tidak bersangkutan-paut dengan jabatan. Walau bagaimanapun, Ketua Jabatan boleh memberi kebenaran bertulis kepada seseorang warga Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membuat pekerjaan luar dengan syarat mereka mematuhi perkara berikut:

- pekerjaan tersebut tidak boleh dilakukan semasa waktu pejabat;
- pekerjaan tersebut tidak menghalang pegawai berkenaan menjalankan/melaksanakan tugas rasminya di luar waktu pejabat apabila diarah oleh majikannya; dan
- pekerjaan tersebut tidak bercanggah dengan kepentingan jabatan.

KESELAMATAN DAN KERAHSIAAN MAKLUMAT

Setiap warga Kementerian Pendidikan Malaysia hendaklah pada bila-bila masa:

- menentukan semua maklumat dan dokumen terperingkat sentiasa terpelihara dan disimpan di tempat yang selamat sebagaimana yang dinyatakan di dalam Arahan Keselamatan Kerajaan;

- tidak berkelakuan cuai sehingga boleh membahayakan keselamatan atau menyebabkan terdedahnya kerahsiaan sesuatu maklumat atau dokumen terperingkat;
- tidak mendedahkan apa-apa maklumat terperingkat dengan apa-apa cara jua kepada mana-mana orang yang tidak berhak memperolehnya sama ada semasa atau selepas beliau berkhidmat dengan Kementerian; dan
- tidak membuat salinan atau menggunakan mana-mana dokumen terperingkat dengan apa-apa cara jua pun untuk kepentingan peribadi kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan.
- Seseorang warga Kementerian Pendidikan Malaysia yang akan bersara dikehendaki menyerahkan semua dokumen terperingkat yang ada padanya kepada Ketua Jabatan selaras dengan kehendak Akta Rahsia Rasmi 1972 tanpa menunggu arahan untuk berbuat demikian.

MEMBUAT PERNYATAAN AWAM DAN PERHUBUNGAN DENGAN MEDIA MASSA

Seseorang warga Kementerian Pendidikan Malaysia pada bila-bila masa tidak boleh:

- membuat atau menghebahkan apa-apa pernyataan awam secara bertulis atau lisan mengenai perkara-perkara terperingkat jabatan melainkan setelah mendapat kebenaran daripada Ketua Jabatan;
- menerbitkan apa-apa maklumat atau bahan terperingkat dalam mana-mana media cetak atau elektronik seperti akhbar, majalah, jurnal, buku, radio, televisyen dan sebagainya melainkan setelah mendapat kebenaran Ketua Jabatan; dan
- membuat pernyataan awam atau membincangkan perkara terperingkat dengan apa-apa cara jua pun sehingga boleh menjejaskan imej/reputasi Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya dan perkhidmatan awam amnya.

HADIAH ATAU KERAIAN

Seseorang warga Kementerian Pendidikan Malaysia pada bila-bila masa;

- tidak boleh menerima atau memberi dan tidak boleh membenarkan suami/isteri, ahli-ahli keluarga atau mana-mana orang menerima atau memberi bagi pihaknya secara langsung atau tidak langsung, apa-apa bentuk hadiah/ keraian jika penerimaan atau pemberian hadiah/ keraian itu mempunyai kaitan dengan tugas rasminya.
- menerima hadiah/ keraian sekiranya penerimaan hadiah/keraian tersebut tidak ada sebarang kaitan dengan tugas rasminya dengan syarat nilai hadiah/keraian itu tidak melebihi $\frac{1}{4}$ daripada emolumen bulanannya atau RM500.00 yang mana lebih rendah.
- Seseorang warga Kementerian Pendidikan Malaysia yang berasa ragu tentang nilai hadiah yang diterima, bolehlah menerima hadiah itu dahulu tetapi beliau hendaklah mengemukakan kepada Ketua Jabatan untuk kelulusan.

KESUSAHAN BERAT KERANA HUTANG DAN MEMINJAM WANG

- Seseorang warga Kementerian Pendidikan Malaysia tidak boleh pada bila-bila masa meminjam wang atau barang berharga daripada pegawai/ staf di bawah penyeliaannya sehingga boleh meletakkan dirinya di bawah sesuatu obligasi kepada orang atau pihak yang mempunyai kaitan rasmi atau urusan rasmi dengan pegawai/ staf itu.

- Seseorang warga Kementerian Pendidikan Malaysia tidak boleh menjadi penjamin kepada mana-mana orang sehingga boleh meletakkan dirinya di bawah sesuatu beban atau kesusahan kewangan yang berat.
- Seseorang warga Kementerian Pendidikan Malaysia dianggap berada dalam keadaan kesusahan berat kerana hutang yang serius jika:
- agregat hutang dan liabilitinya yang tak bercagar melebihi sepuluh kali emolumen bulannya; atau
- beliau adalah seorang penghutang penghakiman.

MENYARA HIDUP MELEBIHI PENDAPATAN RASMI

- Seseorang warga Kementerian Pendidikan Malaysia pada bila-bila masa tidak boleh memperlihatkan gaya hidup yang melebihi punca pendapatan rasminya.
- Ketua Jabatan boleh meminta penjelasan secara bertulis daripada mana-mana warga Kementerian Pendidikan Malaysia yang menunjukkan gaya hidup (termasuk penguasaan dan pemilikan harta benda) di luar kemampuannya dari segi pendapatan/emolumen rasmi, tentang bagaimana beliau mendapat sumber-sumber kewangan untuk menyara gaya kehidupan tersebut.

PERISYTIHARAN HARTA

- Seseorang warga Kementerian Pendidikan Malaysia hendaklah mengisytiharkan secara bertulis dengan disokong oleh dokumen-dokumen berkaitan (jika perlu) mengenai segala aset yang dipunyai olehnya, atau isteri/suami atau anaknya atau mana-mana orang bagi pihaknya atau isteri/ suami atau anaknya kepada Ketua Jabatan apabila dilantik sebagai pegawai/ staf Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Seseorang warga Kementerian Pendidikan Malaysia dikehendaki mengisytiharkan apa-apa perolehan harta benda atau pelupusan harta benda sedia ada sama ada yang dimiliki oleh dirinya sendiri, isteri/suami atau anaknya secepat mungkin selepas perolehan atau pelupusan harta benda itu.

KEGIATAN JENAYAH

- Seseorang warga Kementerian Pendidikan Malaysia adalah dilarang daripada terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang/ peraturan-peraturan negara yang diguna pakai atau terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kegiatan kurang berakhlak atau jenayah seperti berikut:
 - terlibat dalam perlumbaan haram;
 - bergiat dalam pelaburan haram;
 - menyertai kumpulan yang mengancam keselamatan negara dan menggugat perpaduan antara kaum;
 - terlibat dalam manipulasi, pemalsuan, penipuan atau pengubahan rekod-rekod atau dokumen;
 - terlibat dalam kegiatan pelacuran; dan
 - menyertai mogok haram dan sebagainya

KEGIATAN POLITIK

- Seseorang warga Kementerian Pendidikan Malaysia hendaklah sentiasa mengamalkan sikap berkecuali atau tidak memihak kepada mana-mana parti politik dan tidak melanggar larangan yang terkandung di dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Larangan dalam kegiatan politik yang dimaksudkan termasuklah seperti berikut:
 - Menghasut seseorang supaya benci kerajaan yang memerintah.
 - Mengadakan ceramah, perbincangan dan perbahasan yang mempunyai unsur membenci serta antikerajaan.
 - Memperlihatkan dengan jelas ketaksuban berpolitik anti kerajaan dengan pelbagai cara, baik secara langsung mahupun tidak langsung sama ada berbentuk lisan atau tulisan, ataupun melalui perhimpunan mingguan, perbualan, ceramah di surau, semasa kaunseling dan sebagainya.
- Walau bagaimanapun, seseorang warga Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional boleh bertanding atau dilantik memegang jawatan dalam suatu pertubuhan politik, semasa menghabiskan cuti terkumpul sebelum bersara wajib setelah mendapat kelulusan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Ketua Setiausaha. Sungguhpun begitu, warga Kementerian Pendidikan Malaysia dari Kumpulan Sokongan boleh bergiat aktif dalam pertubuhan politik setelah mendapat kelulusan bertulis Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Ketua Setiausaha.

KEGIATAN KEAGAMAAN

Seseorang warga Kementerian Pendidikan Malaysia adalah pada bila-bila masa ditegah menganut, mengikut dan mengamalkan ajaran sesat serta menyertai atau menyokong kegiatan-kegiatan yang membahayakan ketenteraman awam.

DADAH DAN MINUMAN KERAS

Seseorang warga Kementerian Pendidikan Malaysia adalah pada bila-bila masa ditegah:

- terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pengedaran dadah;
- menggunakan atau mengambil dadah (kecuali bagi maksud perubatan sebagaimana yang ditetapkan oleh seorang pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan (1971); dan
- memiliki, menjual atau mengedar dan meminum minuman keras di premis bekerja.

Pihak jabatan berhak memeriksa pada bila-bila masa mana-mana warga Kementerian Pendidikan Malaysia yang disyaki;

- terlibat dalam penyalahgunaan dadah; dan
- memiliki, menjual atau mengedar dan meminum minuman keras di premis bekerja.

MENYALAHGUNAKAN ASET DAN PERSONEL

Seseorang warga Kementerian Pendidikan Malaysia adalah pada bila-bila masa:

- dikehendaki menggunakan aset jabatan untuk tujuan rasmi secara cermat dan bertanggungjawab tanpa mendatangkan kerosakan atau kerugian kepada jabatan.

- tidak boleh menggunakan aset atau personel jabatan untuk kepentingan peribadi kecuali dengan kebenaran pihak pengurusan jabatan. Pihak jabatan boleh menuntut ganti rugi daripada mana-mana warga Kementerian Pendidikan Malaysia yang didapati telah menyalahgunakan aset jabatan sehingga menyebabkan kerosakan atau tidak boleh dibaiki lagi.

KEKERASAN DAN PENGGUNAAN BAHASA KESAT SERTA DISKRIMINASI

- Seseorang warga Kementerian Pendidikan Malaysia semasa berhubung dengan mana-mana pegawai/orang awam, pada bila-bila masa ditegah:
 - membuat ugutan fizikal atau lisan;
 - mengguna bahasa kesat seperti bodoh, bangang, tolol dan seumpamanya yang boleh menjatuhkan air muka dan maruah seseorang; dan
 - mengguna bahasa dan isyarat lucah.
- Seseorang warga Kementerian Pendidikan Malaysia pada bila-bila masa tidak boleh menunjuk dan mengamalkan sikap diskriminasi dengan memberi layanan yang berbeza kepada seseorang kerana pangkat dan kedudukannya dalam jabatan atau masyarakat, perkauman, seks, keturunan, perbezaan fahaman politik dan sebagainya.

PAKAIAN

Seseorang warga Kementerian Pendidikan Malaysia hendaklah mematuhi Garis Panduan Pakaian semasa bekerja sebagaimana yang ditetapkan di bawah mana-mana Pekeliling Perkhidmatan atau Surat Pekeliling yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa dengan memberi perhatian kepada perkara berikut:

- sentiasa berpakaian kemas, bersih dan bersopan semasa menjalankan tugas rasmi kecuali untuk melaksanakan sesuatu tugas tertentu; dan
- tidak boleh berpakaian yang menjolok mata dan yang boleh mendatangkan anggapan negatif seperti penampilan pegawai menghadiri pesta atau perkelahan.

KETIDAKHADIRAN BERTUGAS

Seseorang warga Kementerian Pendidikan Malaysia hendaklah hadir bertugas pada setiap hari bekerja melainkan:

- setelah mendapat kelulusan cuti rehat / tidak berekod daripada Ketua Jabatan atau kelulusan Sijil Cuti Sakit daripada Pegawai Perubatan; atau
- setelah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Jabatan kerana kematian ahli keluarga, kemalangan sehingga mengalami kecederaan, bencana alam dan sebagainya.

***Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Pendidikan Malaysia***

BUDAYA INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG)

Rasional

Penubuhan IPG bertujuan meningkatkan dan memantapkan latihan perguruan. IPG sebagai sebuah institut latihan yang khusus dalam bidang keguruan sewajarnya mempunyai budayanya tersendiri selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru. Penekanan Falsafah Pendidikan Guru ialah:

'melahirkan guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara, serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu, dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin'.

Budaya IPG sangat relevan sebagai satu landasan formal untuk menyatukan segala usaha melahirkan insan guru yang berwatak bagi memenuhi fungsi sekolah sebagai tempat pembentukan warga yang akan menunjangi pembangunan negara Malaysia.

Matlamat

Bertujuan mewujudkan identiti IPG sebagai sebuah institusi unggul yang melatih guru agar memiliki *the towering personality, capable specialist with capable generalist* (Razali Ismail, 2004) ke arah merealisasi dasar *accessibility, equity, quality, effective and efficient pedagogy* seperti yang dimanifestasikan dalam Dasar Rancangan Jangka Panjang Kementerian Pendidikan Malaysia 2001-2010.

Budaya IPG ini diharap membentuk insan guru yang mampu melahirkan pekerja yang mempunyai antaranya ciri-ciri yang berikut:

- Berpengetahuan luas dan mendalam;
- Berkemahiran berfikir peringkat tinggi;
- Berbakat, berkebolehan dan berdaya cipta;
- Mempunyai mobiliti, daya suai dan daya tahan yang tinggi;
- Berkemampuan menggunakan teknologi secara optimum;
- Berupaya menggabungkan inovasi dan daya cipta secara berkesan;
- Berupaya mencipta, menyesuaikan dan menyebarkan pengetahuan baru;
- Berkebolehan menjana ilmu pengetahuan;
- Berkelayakan akademik, profesional dan teknikal yang tinggi;
- Mempunyai kepelbagaian kemahiran;
- K-Pekerja
- Penghayatan dan amalan kecerdasan emosi; dan
- Mengamalkan nilai dan etika kerja yang positif

Budaya IPG adalah suatu jenama untuk membentuk dan melahirkan guru yang mengamalkan tujuh dimensi budaya berikut:

1. Budaya Ilmu

Konsep

Budaya ilmu merujuk amalan mencintai ilmu dan mencari kebenaran sepanjang hayat, sentiasa dahagakan ilmu, keinginan untuk memiliki ilmu, kesungguhan memperkembangkan ilmu, kepintaran memanfaatkan ilmu, menghayati ilmu, menggunakan ilmu pada tempatnya serta meletakkan ilmu sebagai nilai yang paling dihargai dalam kehidupan.

Ciri-ciri Utama

- Pembelajaran sepanjang hayat
- Berilmu pengetahuan luas, mendalam dan terkini (syumul)
- Menguasai, mengamal, menghayati, dan berkongsi ilmu
- Menjana, mencetus, mengembang dan menyumbang ilmu
- Mengamalkan penyelidikan.

2. Budaya Kepimpinan

Konsep

Kepimpinan merujuk kepada keupayaan menerima dan melaksanakan tugas sebagai satu amanah dan tanggungjawab, serta keupayaan mengurus sumber ke arah mencapai visi dan misi organisasi. Kepimpinan *transformational* (Brower and Balch, 2005) merujuk keyakinan dan kebolehan pemimpin membuat keputusan terbaik yang dapat memberi kesan yang positif. Kepimpinan *situational* (Grow, 1996) merujuk stail kepimpinan yang disesuaikan dengan tahap kesediaan dan motivasi ahli organisasi. Kepimpinan *instructional* (DuFour, 2002) merujuk pemimpin yang belajar (*learning leader*) lebih daripada pemimpin yang mengajar (*instructional leader*). Kepimpinan di IPG memainkan peranan sebagai *transformational, situational, instructional leaders* pada satu-satu masa mengikut situasi dan keadaan.

Ciri-ciri Utama

- Kebolehan membuat keputusan
- Pemikiran reflektif
- Menghayati Visi dan Misi IPG serta aspirasi negara
- Mempunyai idea-idea yang bernas
- Bermotivasi tinggi untuk menggerakkan perubahan
- Berupaya menyelesaikan masalah
- Menjalin kejelekitan di antara warga IPG
- Membimbing warga IPG ke arah pengurusan sendiri yang berkesan
- Menjadikan pembelajaran sebagai keutamaan
- Menetapkan ekspektasi dan pencapaian yang tinggi
- Mengorientasikan kurikulum dengan piawai pencapaian
- Mewujudkan komuniti belajar sepanjang hayat
- Menyediakan pelbagai cara untuk mentafsir dan menilai pembelajaran
- Menyediakan sumber dan sistem untuk membantu dan menyokong

- pembelajaran
- Kesetiaan kepada organisasi.

3. Budaya Kerja Profesional

Konsep

Budaya kerja profesional ialah satu tabiat kerja yang mementingkan kecemerlangan, kualiti dan menekankan kerja sepasukan. Ahli-ahlinya mempunyai hubungan yang erat, sepakat, sefahaman dan bertanggungjawab dalam menjayakan program dan aktiviti IPG.

Ciri-ciri Utama

- Mendokong Visi dan Misi organisasi
- Meletakkan kerja sebagai amanah dan ibadah
- Bersikap proaktif, kritis, kreatif, dan inovatif
- Optimis dan komited dalam pekerjaan
- Mementingkan kualiti dan menepati piawaian yang ditentukan
- Kepuasan pelanggan sebagai sasaran utama kerja
- Menepati masa, cekap, tepat, dan mematuhi prosedur
- Menitikberatkan kerja sepasukan dalam menjayakan aktiviti organisasi.

4. Budaya Akhlak dan Moral

Konsep

Budaya akhlak dan moral merujuk tingkah laku terpuji seperti tutur kata, tatatertib, sopan santun, akal budi dan kebijaksanaan (mahmudah). Budaya ini mestilah bertunjangkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan, keharmonian perhubungan di antara manusia dengan Pencipta dan perhubungan manusia dengan manusia dan alam sekitar.

Ciri-ciri Utama

- Sentiasa bersyukur
- Merendah diri (tawadhuk)
- Redha dengan Qada dan Qadar
- Taqwa
- Ikhtiar dan Doa
- Mematuhi etika.

5. Budaya Penyayang

Konsep

Nilai ehsan yang berasaskan kepada konsep cinta kepada Tuhan, kasih sayang dan hormat menghormati sesama insan dan alam sekitar. Keakraban dalam kalangan warga IPG dan cintakan organisasi merupakan teras budaya penyayang IPG. Nilai-nilai ini perlu digarap untuk melahirkan satu budaya penyayang yang boleh mewujudkan kerja sepasukan yang mampu memacu IPG dalam mencapai visi dan misinya.

Ciri-ciri Utama

- Keprihatinan dengan makhluk
- Sayang akan diri, keluarga, dan masyarakat

- Sayang akan profesion
- Sayang akan warga dan organisasi
- Sayang akan alam sekitar
- Sayang akan negara.

6. Budaya Hidup Sihat

Konsep

Budaya hidup sihat bermaksud amalan menjaga kesihatan secara berterusan dari segi fizikal, emosi, rohani, intelek dan sosial. Tenaga kerja yang sihat akan meningkatkan produktiviti dan mencetuskan suasana kerja yang kondusif. Budaya hidup sihat mestilah bermula dari institusi keluarga kerana ia merupakan tapak semaian bagi pembangunan insan sesebuah organisasi, masyarakat, bangsa dan negara.

Ciri-ciri Utama

- Kesihatan dan kecergasan fizikal
- Kematangan emosi
- Ketenangan rohani dan bertakwa
- Keterbukaan minda, positif, matang, dan rasional
- Persekitaran mesra.

7. Budaya Estetika

Konsep

Budaya estetika merujuk ekspresi dan apresiasi terhadap nilai-nilai seni, keindahan dan keharmonian. Amalan budaya ini dimanifestasikan menerusi kerja-kerja seni, karya dan persekitaran kerja organisasi.

Ciri-ciri Utama

- Kehalusan budi
- Keunggulan peribadi
- Kesempurnaan kerja
- Kecantikan dan keindahan seni dan karya
- Keindahan kebudayaan dan bangsa
- Keindahan persekitaran.

PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013 – 2025

Pada Oktober 2011, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan kajian semula sistem pendidikan negara Malaysia secara menyeluruh dalam usaha membangunkan Pelan Pembangunan Pendidikan yang baharu. Kerajaan telah mengambil keputusan melaksanakan kajian semula sistem pendidikan berdasarkan standard pendidikan antarabangsa yang kian meningkat, peningkatan aspirasi negara, dan harapan ibu bapa serta masyarakat terhadap dasar pendidikan negara dalam mempersiapkan generasi muda untuk menghadapi keperluan abad ke-21. Dalam tempoh 11 bulan pelaksanaan kajian, kementerian telah memperoleh input daripada pelbagai sumber seperti laporan penyelidikan yang dijalankan oleh pakar pendidikan dari UNESCO, Bank Dunia, OECD, dan enam Institusi Pengajian Tinggi Awam. Kajian ini juga melibatkan penyertaan pemimpin sekolah, guru, ibu bapa, orang ramai dan murid di seluruh negara. Dokumen awal Pelan Pembangunan Pendidikan telah dibangunkan bagi menilai prestasi semasa sistem pendidikan Malaysia dengan mengambil kira secara objektif pencapaian lampau dan membandingkannya dengan tanda aras antarabangsa. Pelan ini melakarkan visi sistem pendidikan dan murid yang dapat memenuhi keperluan negara pada masa depan. Pelan ini juga mencadangkan 11 anjakan strategik dan operasi yang perlu dilaksanakan oleh kementerian bagi mencapai visi yang dihasratkan. Usaha yang telah dirangka dan akan dilaksanakan untuk mentransformasi sistem pendidikan negara, diharap dapat difahami dengan jelas oleh masyarakat keseluruhannya. Kementerian akan mendapatkan maklum balas tentang laporan awal pelan ini daripada seluruh komuniti sebelum laporan akhir pelan ini dihasilkan pada Disember 2012.

OBJEKTIF DAN PENDEKATAN KAJIAN SEMULA

Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan merupakan hasil penyelidikan yang mendalam dan penglibatan meluas masyarakat dijalankan oleh kementerian. Pelan Pembangunan Pendidikan dibangunkan dengan tiga objektif khusus, iaitu:

1. **Memahami prestasi dan cabaran** semasa sistem pendidikan Malaysia dengan memberi tumpuan terhadap akses kepada pendidikan, meningkatkan standard (kualiti), merapatkan jurang pencapaian (ekuiti), mengukuhkan perpaduan dalam kalangan murid, serta mengoptimumkan kecekapan sistem.
2. **Mewujudkan visi dan aspirasi** yang jelas untuk sistem pendidikan dan setiap murid bagi 13 tahun akan datang.
3. **Menggariskan program transformasi sistem pendidikan**, yang merangkumi perubahan penting dalam kementerian bagi memenuhi permintaan baharu dan harapan masyarakat yang meningkat, menyemarak serta menyokong keseluruhan transformasi perkhidmatan awam.

SEBELAS ANJAKAN UTAMA UNTUK MENTRANSFORMASIKAN SISTEM PENDIDIKAN NEGARA

1. MENYEDIAKAN KESAMARATAAN AKSES KEPADA PENDIDIKAN BERKUALITI DAN BERTARAF ANTARABANGSA.

- Menanda aras keupayaan dalam kemahiran membaca, matematik, sains dengan standard antarabangsa.
- Melancarkan kurikulum baru sekolah menengah (KSSM) dan semakan semula kurikulum sekolah rendah (KSSR) pada 2017.
- Merombak peperiksaan dan pentaksiran kebangsaan untuk meningkatkan tumpuan terhadap kemahiran berfikir aras tinggi pada 2016.
- Meningkatkan kualiti prasekolah dan meningkatkan enrolmen kepada 100% menjelang 2020.
- Melanjutkan pendidikan wajib daripada 6 tahun kepada 11 tahun bermula pada umur 6+ tahun, disokong dengan program pengekalan yang disasarkan dan latihan vokasional sebagai persediaan untuk pekerjaan.
- Meningkatkan pelaburan bagi sumber fizikal dan pengajaran kepada murid dengan keperluan khusus.

2. MEMASTIKAN SETIAP MURID PROFISIEN DALAM BAHASA MALAYSIA DAN BAHASA INGGERIS

- Memperkenalkan kurikulum Bahasa Malaysia yang sama pada peringkat rendah, dengan sokongan pemulihan intensif untuk murid yang memerlukan bagi menggantikan kelas pemulihan.
- Memperluas program LINUS supaya meliputi literasi Bahasa Inggeris.
- Meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris guru dan memperluas peluang bagi pendedahan terhadap Bahasa Inggeris.
- Menggalakkan setiap murid mempelajari bahasa tambahan menjelang 2025.

3. MELAHIRKAN RAKYAT MALAYSIA DENGAN PENGHAYATAN NILAI

- Memperkukuh Pendidikan Sivik dengan menjadikan perkhidmatan komuniti sebagai prasyarat untuk tamat persekolahan menjelang 2017.
- Memperkukuh Pendidikan Islam dan Moral dengan memberi lebih fokus ke atas teras nilai dan falsafah agama menjelang 2017.
- Memperkembangkan murid secara holistik dengan mengukuhkan keperluan penyertaan murid dalam 1 Sukan, 1 Kelab dan 1 Badan Beruniform.
- Mengukuhkan dan memperluas RIMUP mulai 2016 untuk memudah cara interaksi antara jenis sekolah, kumpulan etnik dan sosioekonomi.

4. TRANSFORMASI KEGURUAN SEBAGAI PROFESION PILIHAN

- Mengetatkan syarat lantikan guru mulai 2013 supaya dalam kalangan graduan 30% teratas.
- Meningkatkan kualiti CDP mulai 2013, dengan lebih tumpuan ke atas keperluan individu dan latihan berasaskan sekolah.
- Memastikan guru memberi fokus ke atas fungsi teras pengajaran mulai 2013 dengan mengurangkan beban pentadbiran.
- Melaksanakan laluan kerjaya guru berasaskan kompetensi dan prestasi mulai 2016.
- Membudayakan kecemerlangan berasaskan pimpinan rakan sekerja dan proses pensijilan mulai 2025.

5. MEMASTIKAN KEPIMPINAN BERPRESTASI TINGGI DI TEMPATKAN SETIAP SEKOLAH

- Memperkenalkan kriteria pemilihan berasaskan kompetensi dan memperkukuhkan proses perancangan penggantian bagi pengetua / guru besar mulai 2013.
- Melaksanakan pakej kerjaya baharu bagi pengetua, guru besar mulai 2013, dengan lebih sokongan, lebih fleksibiliti pengoperasian bagi menambah baik sekolah, kurikulum, dan kokurikulum, serta lebih akauntabiliti terhadap meningkatkan keberhasilan murid.

6. MENGUPAYA JPN, PPD DAN SEKOLAH UNTUK MENYEDIAKAN PENYELESAIAN KHUSUS BERASASKAN KEPERLUAN

- Mempercepat penambahbaikan prestasi sekolah melalui program yang sistematik dan dipimpin PPD di semua negeri menjelang 2014.
- Meningkatkan autonomi pengurusan berasaskan sekolah, termasuk lebih fleksibiliti pengoperasian ke atas pengagihan bajet dan pelaksanaan kurikulum, dimulakan dengan sekolah yang mencapai prestasi tinggi dan menunjukkan peningkatan prestasi besar.
- Memastikan 100% sekolah memenuhi keperluan infrastruktur asas menjelang 2015, bermula dengan Sabah dan Sarawak.

7. MEMANFAATKAN ICT BAGI MENINGKATKAN KUALITI PEMBELAJARAN DI MALAYSIA

- Meningkatkan akses internet dan persekitaran pembelajaran maya melalui 1BestariNet bagi semua 10,000 sekolah menjelang 2013.
- Menambahkan kandungan atas talian untuk perkongsian amalan terbaik bermula dengan perpustakaan video guru terbaik menyampaikan pengajaran dalam mata pelajaran kritikal pada 2013.
- Memanfaatkan penggunaan ICT bagi pembelajaran jarak jauh dan berasaskan sendiri untuk meningkatkan kapasiti dan pembelajaran lebih khusus.

8. MENTRANFORMASI KEBOLEHUPAYAAN DAN KAPASITI PENYAMPAIAN KEMENTERIAN

- Mengupaya JPN dan PPD dengan memberi lebih hak membuat keputusan terhadap bajet dan personal serta meningkatkan kuantiti bagi KP mulai 2013.
- Sekurang-kurangnya 2,500 lagi personal ditempatkan daripada KPM dan JPM kepada PPD untuk menyokong sekolah menjelang 2014.
- Memperkukuh kebolehpayaan kepimpinan bagi 150-200 jawatan kepimpinan utama mulai 2013.
- Memperkukuh fungsi utama dan merealisasi struktur kementerian mulai 2016.

9. BEKERJASAMA DENGAN IBU BAPA, KOMUNITI DAN SEKTOR SWASTA SECARA MELUAS

- Melengkapkan ibu bapa bagi membantu pembelajaran anak mereka melalui saranan penglihatan ibu bapa dan akses atas talian kepada kemajuan anak di sekolah (SAPS).
- Mendapatkan maklum balas kepada setiap PIBG mengenai pelaksanaan kurikulum setempat dan kualiti guru mulai 2016.
- 1,000 biasiswa daripada sektor swasta untuk murid berbakat daripada komuniti miskin untuk belajar di sekolah swasta dan antarabangsa.
- Memperluas model Sekolah Amanah kepada 500 buah menjelang 2025 dengan melibatkan kumpulan alumni dan NGOs yang berpotensi sebagai penganjur.

10. MEMAKSIMUMKAN KEBERHASILAN MURID BAGI SETIAP RINGGIT

- Mengaitkan setiap program kepada keberhasilan murid yang jelas dan merasionalisasi program berimpak rendah pada setiap tahun, selaras dengan anjakan keseluruhan kerajaan ke arah Bajet Berasaskan Keberhasilan (OBB).
- Memanfaatkan peluang meningkatkan efisiensi, dengan mengagihkan peruntukan kepada bidang paling kritikal seperti peningkatan kemahiran dan latihan guru.

11. MENINGKATKAN KETELUSAN UNTUK AKAUNTABILITI AWAM SECARA LANGSUNG.

- Menerbitkan laporan tahunan awam bagi kemajuan sasaran dan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan mulai 2013.
- Melaksanakan semakan komprehensif pada tahun 2015, 2020, 2025 bagi memastikan Pelan Pembangunan Pendidikan kekal relevan dengan memasukkan maklum balas daripada pihak berkepentingan dan mengambil kira perkembangan persekitarannya.

ASPIRASI TERHADAP SISTEM PENDIDIKAN DAN MURID DI MALAYSIA

Lima aspirasi sistem pendidikan Malaysia

Akses	100% enrolmen merentas semua peringkat pendidikan daripada prasekolah hingga menengah atas menjelang tahun 2020
Kualiti	Negara dalam kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa seperti TIMSS dan PISA dalam tempoh 15 tahun
Ekuiti	50% pengurangan dalam jurang pencapaian (bandar-luar bandar, sosioekonomi, gender) menjelang 2020
Perpaduan	Sistem pendidikan yang menawarkan perkongsian pengalaman dan nilai kepada kanak-kanak dengan menghargai kepelbagaian
Kecekapan	Sistem yang memaksimumkan keberhasilan murid mengikut peruntukan sedia ada

Enam ciri utama yang diperlukan oleh setiap murid untuk berupaya bersaing pada peringkat global.

Setiap murid akan mempunyai....

